

Pak Lah hargai khidmat bekas PM

BH-11/5/2015: 2

Oleh Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata satu perkara penting yang dipelajarinya sejak beliau menjadi Perdana Menteri kelima ialah pemimpin tidak semestinya dilahirkan tetapi dididik dan diasuh.

Beliau berkata, banyak mempelajari kualiti pemimpin yang baik terutama sifat amanah, akauntabiliti, keadilan, berwibawa dan kesabaran sepanjang berkhidmat dengan keempat-empat bekas Perdana Menteri.

Katanya, kebijaksanaan dan pengalaman yang diperoleh daripada tunjuk ajar pemimpin berkenaan menjadi inspirasi dan sumber paling berguna kepadanya untuk melaksanakan tugas sebagai Perdana Menteri.

"Pembelajaran dan pendidikan, latihan serta pengalaman adalah faktor sangat penting," katanya berucap merasmikan Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; be-

kas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Isteri Allahyarham Tun Razak Hussein, Tun Rahah Mohd Noah; Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein (anak Allahyarham Tun Hussein Onn) dan Tunku Ahmad Nerang (anak Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj).

Pada majlis itu, Abdullah turut menyampaikan cenderahati kepada Dr Mahathir serta wakil bekas Perdana Menteri terdahulu.

Dr Mahathir dan wakil bekas Perdana Menteri lain - Ahmad Nerang, Rahah dan Hishammuddin - diberi penghargaan memasang ikon pada tiang arca yang melambangkan perkhidmatan keempat-empat bekas Perdana Menteri.

Abdullah melahirkan penghargaan kepada bekas Perdana Menteri dengan menyifatkan mereka sebagai pemimpin istimewa kerana berjaya membawa kejayaan kepada negara.

Beliau berkata, walaupun ada pihak menjangkakan Malaysia yang mempunyai rakyat berbilang bangsa dan agama akan gagal selepas mencapai



ABDULLAH bersama Dr Mahathir dan Najib melihat album gambar lama ketika majlis perasmian Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya, semalam. - Gambar oleh Hadzme Mohd Jaafar

kemerdekaan, tetapi ia tidak menepati ramalan itu.

"Dengan visi dan hikmah yang tinggi pemimpin negara, mereka berjaya menyatupadukan rakyat dengan memperkenalkan pendekatan kongsi kuasa dengan pemimpin pelbagai parti politik.

"Semua parti bersatu dalam perikatan dan berjaya menubuhkan kerajaan yang melambangkan kekuatan semua kaum. Ini satu kejayaan istimewa yang menjadi asas kepada kemajuan negara," katanya.

Abdullah yang pernah berkhidmat di bawah kepemimpinan keempat-empat bekas Perdana Menteri itu, turut memberi gambaran umum me-

ngenai kehebatan setiap pemimpin terdahulu.

Tunku Abdul Rahman yang dikenali sebagai Bapa Kemerdekaan kerana berjaya membebaskan negara daripada cengkaman penjajah British pada 1957. Ini diikuti Tun Razak yang digelar Bapa Pembangunan.

Tun Hussein pula digelar Bapa Perpaduan manakala Dr Mahathir dikenali sebagai Bapa Pemodenan yang membawa Malaysia ke era perindustrian dan menjulang nama di arena antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, beliau menyedari tidak ramai orang berpeluang berkhidmat dan belajar daripada keempat-empat bekas pemimpin ne-

gara itu.

Dalam konteks ini, Abdullah berkata, kewujudan Yayasan Kepimpinan Perdana sangat penting kerana ia menyimpan segala khazanah berharga berkaitan dengan wawasan dan tindakan pemimpin berkenaan.

Yayasan itu ditubuhkan pada 2003 bagi mengumpul, mendalami serta menyebarkan maklumat mengenai Perdana Menteri Malaysia.

Antara lain, yayasan bermatlamat menyelidik, mendokumen, menyebarkan dan menerbitkan warisan intelek Perdana Menteri Malaysia dan menekankan sumbangan pemimpin negara terhadap pembangunan sosial, ekonomi dan politik negara.